

Sentiasa bersedia membantu anda

Daftarkan produk anda dan dapatkan sokongan di
www.philips.com/support



AZ318



Manual pengguna

PHILIPS

Kandungan

1	Keselamatan	1
2	Pemberitahuan	2
3	Mesin Bunyi CD Anda	3
	Pengenalan	3
	Isi kandungan kotak	3
	Gambaran keseluruhan unit utama	4
4	Mulakan	5
	Menyambungkan kuasa	5
	Menghidupkan	6
	Mematikan	6
5	Memainkan	7
	Memainkan cakera	7
	Memainkan daripada peranti USB	7
	Mendengar radio FM	7
	Memainkan daripada peranti luaran	8
	Melaraskan kelantangan	8
	Menghidupkan/mematikan Perangsang Bes Dinamik (DBB)	8
6	Pilihan memainkan	9
	Mengawal trek dimainkan	9
	Trek program	9
7	Maklumat produk	10
	Spesifikasi	10
	Format cakera MP3 Disokong	11
	Maklumat boleh main USB	11
	Penyelenggaraan	11
8	Penyelesaian Masalah	12

I Keselamatan



Simbol 'panahan petir' ini menunjukkan bahan tidak bertebat dalam unit anda yang mungkin boleh mengakibatkan kejutan elektrik. Untuk keselamatan semua ahli isi rumah anda, sila jangan alihkan penutup produk.

Simbol 'tanda seru' menunjukkan ciri yang mesti anda baca dengan teliti di dalam risalah yang dilampirkan untuk mencegah masalah pengendalian dan penyelenggaraan.

AMARAN: Untuk mengurangkan risiko kebakaran atau kejutan elektrik, radas ini tidak boleh didedahkan kepada hujan atau kelembapan dan objek yang dipenuhi dengan cecair, seperti pasu, tidak boleh diletakkan di atas radas ini.

PERHATIAN: Untuk mencegah kejutan elektrik, padankan bahagian bilah lebar palam ke slot lebar, kemudian, masukkan sepenuhnya.

! Amaran

- Jangan sesekali mengalihkan selongsong radas ini.
- Jangan sesekali membubuh pelincir pada mana-mana bahagian radas ini.
- Jangan sesekali melihat alur laser di dalam radas ini.
- Jangan sesekali meletakkan radas ini di atas peralatan elektrik yang lain.
- Jauhkan radas ini daripada terkena Cahaya matahari langsung, nyalaan terdedah atau haba.
- Pastikan bahawa anda sentiasa mudah mengakses kord kuasa, palam, atau penyesuai untuk memisahkan radas ini daripada kuasa.

- Peranti ini tidak boleh didedahkan kepada titisan dan percikan.
- Jangan letakkan sebarang punca berbahaya di atas peranti (contoh, objek berisi dengan cecair, lilin bernyala).

- Apabila palam UTAMA atau pengganding alat digunakan sebagai peranti pemutus, peranti pemutus tersebut hendaklah sentiasa tersedia untuk dikendalikan.
- Pastikan terdapat cukup ruang di sekeliling produk untuk pengudaraan.
- **PERHATIAN** untuk penggunaan bateri – Untuk mencegah kebocoran bateri yang boleh mengakibatkan kecederaan pada badan, kerosakan harta benda, atau kerosakan unit tersebut:
 - Memasang semua bateri dengan betul, + dan - seperti yang ditandakan pada unit tersebut.
 - Bateri (pek bateri atau bateri yang dipasang) tidak boleh didedahkan kepada haba melampau seperti cahaya matahari, api atau yang seumpamanya.
 - Keluarkan bateri apabila unit tersebut tidak digunakan untuk jangka masa yang lama.
- Hanya gunakan sambungan/aksesori yang khusus daripada pengilang.

! Perhatian

- Penggunaan kawalan atau pelarasan atau prestasi untuk tatacara selain daripada yang dalam ini boleh menyebabkan pendedahan terhadap laser atau pengendalian tidak selamat yang lain.

2 Pemberitahuan

Sebarang perubahan atau pengubahsuaian yang dilakukan pada peranti ini yang tidak diluluskan secara jelas oleh MMD Hong Kong Holding Limited boleh membatalkan kuasa pengguna untuk mengendalikan peralatan.

Dengan ini, MMD Hong Kong Holding Limited mengisyiharkan bahawa produk ini mematuhi keperluan penting dan peruntukan berkaitan yang lain Arahan 2014/53/EU. Anda boleh dapatkan Pengisyiharan Kesesuaian di www.philips.com/support.

Melupuskan produk lama anda



Produk ini direka bentuk dan dikilangkan dengan menggunakan bahan dan komponen yang berkualiti tinggi, yang boleh dikitar semula serta digunakan semula.



Simbol ini yang terdapat di atas produk bermaksud bahawa produk tersebut dilindungi oleh Arahan Eropah 2012/19/EU. Maklumkan diri anda tentang sistem pengumpulan bersinggan tempatan untuk produk elektrik dan elektronik. Patuhi peraturan tempatan dan jangan sesekali melupuskan produk bersama-sama dengan sisa buangan isi rumah yang biasa. Cara pelupusan produk lama yang betul membantu dalam mencegah akibat negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.

Maklumat alam sekitar

Semua pembungkusan yang tidak diperlukan, disingkirkan. Kami cuba untuk menghasilkan pembungkusan yang mudah diasingkan kepada tiga jenis bahan: kadbod (kotak), palpa kertas (penimbal) dan polietilena (beg, kepingan gabus pelindung).

Sistem anda mengandungi bahan-bahan yang boleh dikitar semula dan diguna semula jika dipisahkan atau diasingkan oleh syarikat yang khusus. Sila fahami dengan teliti peraturan tempatan tentang pelupusan bahan pembungkusan, bateri yang sudah habis dan peralatan lama.

Radas ini merangkumi label-label ini:



Simbol peralatan kelas II



Simbol ini menandakan bahawa radas ini mempunyai sistem penebatan berganda.



Nota

- Plat bercetak terletak di bahagian bawah radas.

3 Mesin Bunyi CD Anda

Pengenalan

Dengan unit ini, anda boleh:


- Insert Menikmati audio dari cakera, USB dan peranti luar yang lain;
- Mendengar stesen radio FM

Isi kandungan kotak

Periksa dan kenal pasti kandungan bungkusan:

- Unit utama
- Kord kuasa AC
- Manual pengguna ringkas
- Lembaran Keselamatan dan Pemberitahuan

Gambaran keseluruhan unit utama



- ① Panel paparan
- ② ALB/PRE-/ALB/PRE+
 - Melangkau ke album yang sebelum/ seterusnya.
 - Memilih satu stesen radio praset.
- ③ ⏹
- ④ MOD
 - Pilih mod ulang atau ubah aturan (shuffle).
- ⑤ ▲◀◀ / ▶▶▲
 - Melangkau ke trek yang sebelum atau seterusnya.
 - Carian dalam trek.
- ⑥ ■
 - Berhenti memainkan.
 - Memadamkan program.
- ⑦ ▶▶ II
 - Mula atau henti sementara memainkan.
- ⑧ ⏹
 - Soket USB.
- ⑨ PROG
 - Mengesan program.
 - Memprogramkan stesen radio.
- ⑩ DBB
 - Menghidupkan atau mematikan peningkatan bes dinamik.
- ⑪ SOURCE
 - Memilih sumber penggerak.
- ⑫ VOL -/VOL +
 - Melaraskan kelantangan.
- ⑬ AUDIO-IN
 - Menyambungkan peranti audio luaran.
- ⑭ Ruang cakera

4 Mulakan

Sentiasa mengikuti arahan dalam bab ini mengikut turutan.

Jika anda menghubungi Philips, anda akan ditanya tentang model dan nombor siri radas ini. Nombor model dan nombor siri terdapat di bahagian bawah radas. Tuliskan nombor itu di sini:

No. Model _____

No. Siri _____

Menyambungkan kuasa

Anda boleh menggunakan sama ada kuasa AC atau bateri sebagai bekalan kuasa untuk unit ini.

Kuasa AC



Amaran

- Risiko kerosakan produk! Pastikan bahawa voltan bekalan kuasa adalah mengikut voltan yang dicetak di bahagian belakang atau di sebelah bawah unit.
- Risiko kejutan elektrik! Apabila anda memutuskan sambungan kuasa AC, sentiasa mencabutkan palam atau penyesuai dari soket. Jangan sekali menarik kord.

Sambungkan Kord kuasa AC ke:

- soket ~ AC pada unit.
- alur keluar kuasa dinding.

Kuasa bateri



Perhatian

- Risiko berlaku letupan! Jauhkan bateri daripada haba, cahaya matahari atau api. Jangan sekali-kali membuang bateri ke dalam api.
- Bateri mengandungi bahan kimia, maka ia mesti dilupuskan dengan betul.

Nota

- Bateri tidak disertakan dengan aksesori.

- 1 Bukakan ruang bateri.
- 2 Masukkan 6 bateri (jenis: R14/UM2/C CELL) dengan kutub yang betul (+/-) seperti yang dinyatakan.
- 3 Tutupkan ruang bateri.



Menghidupkan

Tekan \odot untuk menghidupkan mesin bunyi CD.

Tukarkan ke mod Tunggu sedia

- Mesin bunyi CD bertukar ke mod tunggu sedia secara automatik apabila audio tidak dikesan selama lebih 15 minit.
- Mesin bunyi CD bertukar ke mod tunggu sedia secara automatik apabila main semula dihentikan dalam mod CD selama lebih 15 minit.
- Tekan \odot atau **SOURCE** untuk menjagakan unit daripada mod tunggu sedia.


Mematikan

Tekan \odot semula untuk mematikan mesin bunyi CD.

5 Memainkan

Memainkan cakera

- 1 Tekan **SOURCE** berulang kali untuk memilih sumber CD.
- 2 Angkat untuk membuka ruang cakera.
- 3 Masukkan cakera dengan bahagian dicetak menghala ke atas, kemudian tutupkan ruang cakera.
- 4 Tekan **▶II** untuk mula memainkan.
 - Tekan untuk menghentikan sementara atau menyambung kembali untuk memainkan, tekan **▶II**.
 - Untuk berhenti memainkan, tekan **■**.
 - Untuk trek MP3, tekan **ALB/PRE-/ALB/PRE+** untuk memilih album.
 - Untuk memilih trek, tekan **◀◀ / ▶▶**.
 - Untuk carian dalam trek, tekan dan tahan **◀◀ / ▶▶**, kemudian lepaskan untuk menyambung kembali untuk memainkan seperti biasa.




Memainkan daripada peranti USB

Nota

- Pastikan bahawa peranti USB mengandungi kandungan audio yang boleh dimainkan.

- 1 Tekan **SOURCE** berulang kali untuk memilih sumber USB.
- 2 Masukkan peranti USB ke dalam **USB** soket.
 - ↳ Trek dimainkan secara automatik. Jika tidak, tekan **▶II**.



Mendengar radio FM

Nota

- Letakkan antena sejauh mungkin daripada TV, atau sumber radiasi yang lain.
- Untuk penerimaan lebih baik, tarik keluar antena sepenuhnya dan laraskan kedudukannya.

- 1 Tekan **SOURCE** berulang kali untuk memilih sumber FM.
- 2 Tekan **◀◀ / ▶▶** untuk mencari stesen radio.
 - Tekan dan tahan **◀◀ / ▶▶** selama lebih 2 saat.
 - ↳ Radio akan menala secara automatik ke stesen radio yang mempunyai penerimaan yang kuat.

Menyimpan stesen radio secara manual

Nota

- Anda boleh Memprogramkan maksimum 20 stesen radio FM.

Dalam mod penala, tekan dan tahan **PROG** selama 2 saat.

- **[AUTO]** (auto) dipaparkan.
- Mesin bunyi CD menyimpan semua stesen radio FM yang ada.
- Stesen radio pertama yang disimpan diisarkan secara automatik.

Memprogramkan stesen radio secara manual

- Menala ke stesen radio.
- Tekan **PROG** untuk mengaktifkan mod program.
 - **PXX** dipaparkan pada skrin. (**XX** menunjukkan nombor **01-20**)
- Tekan **ALB/PRE-/ALB/PRE+** untuk menguntukkan nombor 1–20 bagi stesen radio ini, kemudian tekan **PROG** untuk mengesahkan.
 - Nombor praset dan frekuensi untuk stesen praset tersebut dipaparkan.
- Ulang langkah 1-3 untuk memprogramkan lebih banyak stesen.


Memainkan daripada peranti luaran

Dengan unit ini, anda juga boleh mendengar peranti audio luaran seperti pemain MP3.

- Tekan **SOURCE** berulang kali untuk memilih sumber audio.
 - **[AU]** dipaparkan pada skrin.

- Sambungkan kabel masuk audio (tidak dibekalkan) ke:
 - soket **AUDIO IN** pada mesin bunyi CD.
 - soket fon kepala pada peranti luaran.

- Memainkan peranti luaran (lihat manual pengguna peranti).



Nota

- Soket **AUDIO IN** bukan untuk fon kepala.

Melaraskan kelantangan

Semasa memainkan, tekan **VOL -/VOL +** untuk melaraskan kelantangan.

Menghidupkan/mematikan Perangsang Bes Dinamik (DBB)

Tekan **DBB** berulang kali untuk menghidupkan atau mematikan peningkatan (spell error) bes dinamik.

6 Pilihan memainkan

Mengawal trek dimainkan

Dalam mod CD/USB, anda boleh mengawal trek dimainkan menerusi pengendalian berikut:

◀◀ / ▶▶	Tekan dan tahan untuk mara laju atau undur laju trek semasa memainkan semula, kemudian lepaskan untuk sambung kembali memainkan.
ALB/PRE-/ ALB/PRE+	Melangkau ke album MP3 yang sebelum atau seterusnya.
▶ II	Mula atau henti sementara memainkan.
■	Berhenti memainkan.
MOD	[REP]: Memainkan trek semasa berulang kali. [REP ALL]: Memainkan semua trek berulang kali. [REP ALB]: Memainkan trek dalam album berulang kali. [SHUF]: Memainkan trek secara rawak. Untuk kembali memainkan secara biasa, tekan berulang kali sehingga ikon mengulang hilang.



Panduan

- Hanya **[REP]** dan **[REP ALL]** dipilih apabila anda memainkan trek yang diprogramkan.

Trek program

Anda boleh memprogramkan maksimum 20 trek.

- Tekan ■ untuk menghentikan main semula.
- Tekan PROG untuk mengaktifkan mod program.
↳ [P01] dipaparkan.
- Untuk trek MP3, tekan **ALB/PRE-/ALB/PRE+** untuk memilih album.
- Tekan **◀◀ / ▶▶** untuk memilih trek, kemudian tekan PROG untuk mengesahkan.
- Ulang langkah 3 hingga 4 untuk memprogramkan lebih banyak trek.
- Tekan **▶ II** untuk memainkan trek yang diprogramkan.
↳ Untuk memadamkan program, semasa main semula dihentikan, tekan ■.

7 Maklumat produk

Nota

- Maklumat produk tertakluk pada perubahan tanpa pemberitahuan.

Spesifikasi

Amplifier

Kuasa Output Terkadar	3 W
Respons Frekuensi	63 Hz - 20000 Hz, +/-3 dB
Nisbah Isyarat kepada Hingar	> 72 dBA
Jumlah Herotan Harmonik	< 1 %
Audio In	600 mV RMS 20 kohm

Cakera

Jenis Laser	Semikonduktor
Diameter cakera	8/12 cm
Menyokong cakera	CD-DA, CD-R, CD-RW, MP3-CD
Audio DAC	24 Bits / 44,1 kHz
Jumlah Herotan Harmonik	< 1 %
Respons Frekuensi	63 Hz - 20000 Hz, +/-3 dB
Nisbah S/N	> 72 dBA

Penala

Julat Penalaan	FM: 87,5 - 108 MHz
Grid penalaan	50 KHz
Stesen praset	20
Sensitiviti	
- Mono, 26dB Nisbah S/N	< 22dBf
- Stereo, 46dB Nisbah S/N	< 43 dBf
Pemilihan Carian	< 28 dBf
Jumlah Herotan Harmonik	< 3 %
Nisbah Isyarat kepada Hingar	> 50 dBA

Umum

Bekalan kuasa	220 - 240 V ~, 50/60 Hz
- Kuasa AC	DC 9 V, 6 x 1,5 V R14/ UM2/C Cell
- Bateri	
Penggunaan Kuasa Pengendalian	< 10 W
Penggunaan Kuasa Tunggu Sedia	< 0,5 W
Dimensi	
- Unit Utama (W x H x D)	253 x 124 x 232 mm
Berat	
- Unit Utama	1,08 kg
- Dengan Pembungkusan	1,62 kg

Format cakera MP3 Disokong

- ISO9660, Joliet
- Bilangan tajuk maksimum: 512 (bergantung kepada panjang nama fail)
- Bilangan album maksimum: 255
- Frekuensi pensampelan disokong: 32 kHz, 44,1 kHz, 48 kHz
- Kadar Bit disokong: 32 ~ 256 (kbps), pembolehubah kadar bit

Maklumat boleh main USB

Peranti USB yang serasi:

- Ingatan kilat USB (USB 2.0 atau USB 1.1)
- Pemain kilat USB (USB 2.0 atau USB 1.1)
- kad memori (memerlukan pembaca kad tambahan untuk berfungsi dengan radas ini)

Format disokong:

- Format USB atau format fail memori FAT16, FAT32 (saiz sektor: 512 bait)
- Kadar bit MP3 (kadar data): 32-320 Kbps dan pembolehubah kadar bit
- Direktori bersarang maksimum hingga 8 peringkat
- Bilangan album/ folder: maksimum 99
- Bilangan trek/ tajuk: maksimum 999
- Nama fail dalam Unikod UTF8 (panjang maksimum: 128 bait)

Format tidak disokong:

- Album kosong: album yang kosong ialah album yang tidak mengandungi fail MP3, dan tidak ditunjukkan dalam paparan.
- Melangkau format fail tidak disokong. Contohnya, dokumen Word (.doc) atau fail MP3 dengan sambungan .dlf diabaikan dan tidak dimainkan.
- Fail audio AAC, WAV, PCM, WMA.

Penyelenggaraan

Membersihkan kabinet

- Gunakan kain lembut yang dilembapkan sedikit dengan larutan pencuci lembut. Jangan gunakan larutan yang mengandungi alkohol, spirit, ammonia atau larutan yang melepas.

Membersihkan cakera

- Bersihkan cakera dengan kain pembersih apabila ia kotor. Lapkan cakera dari bahagian tengah ke bahagian luar cakera.



- Jangan gunakan bahan pelarut seperti benzena, pencair, bahan pencuci komersial, atau penyemburran antistatik yang digunakan untuk rekod analog.

Bersihkan lensa cakera

- Selepas penggunaan jangka masa panjang, kotoran atau habuk boleh terkumpul pada lensa cakera. Untuk menjamin kualiti yang baik, bersihkan lensa cakera dengan pencuci lensa CD Philips atau sebarang pencuci komersial yang ada. Ikuti arahan yang disertakan dengan pencuci tersebut.

8 Penyelesaian Masalah

Amaran

- Jangan sesekali mengalihkan selongsong peranti ini.

Untuk mengekalkan kesahan waranti, jangan sesekali membaiki sistem dengan sendiri.

Jika anda menghadapi masalah semasa menggunakan peranti ini, periksa perkara berikut sebelum memohon untuk perkhidmatan servis. Jika masalah masih tidak dapat diselesaikan, layari laman sesawang Philips (www.philips.com/support). Apabila anda menghubungi Philips, pastikan bahawa peranti ini berada dekat dengan anda dan nombor model serta nombor siri boleh didapati.

Tiada kuasa

- Pastikan kord Sesalur Utama disambungkan dengan baik.
- Pastikan bahawa terdapat kuasa pada Sesalur Utama AC.
- Pastikan bahawa bateri dimasukkan dengan betul.

Tiada bunyi atau bunyi lemah

- Laraskan kelantangan

Tiada respons daripada unit

- Pisahkan dan sambungkan semula palam kuasa AC, kemudian hidupkan semula sistem.
- Sebagai ciri penjimatan, unit akan dimatikan secara automatik, 15 minit selepas trek yang dimainkan hampir tamat dan tiada kawalan dikendalikan.

Kualiti bunyi kaset lemah

- Pastikan bahawa kepala kaset dalam pemegang kaset adalah bersih.
- Pastikan bahawa pita kaset NORMAL (IEC1) digunakan untuk merakam.

Cakera tidak dikesan

- Masukkan cakera.
- Periksa sama ada cakera dimasukkan terbalik.
- Tunggu sehingga pengewapan lembapan pada lensa telah hilang.
- Gantikan atau bersihkan cakera.
- Guna CD yang muktamad atau format cakera yang betul.

Penerimaan radio lemah

- Jauhan jarak antara unit dengan TV atau sumber radiasi yang lain.
- Tarik antena FM sepenuhnya.



Copyright © 2019 MMD Hong Kong Holding Limited Revised Edition © 2019
Produk Ini dikilangkan oleh, dan dijual di bawah tanggungjawab MMD Hong
Kong Holding Limited, dan MMD Hong Kong Holding Limited ialah penjamin
berhubung dengan produk ini.

Philips dan Philips Shield Emblem ialah tanda dagangan bagi Koninklijke Philips
N.V. dan digunakan di bawah lesen.

AZ318_I2_UM_V2.0

